

# Syafiq, Jun Hong terbaik Masum

SITI ZUBAIDAH MAT ISA

**ATLET** bowling negara, Muhamad Syafiq Ridhwan Abdul Malik dan atlet terjun negara Cheong Jun Hong masing-masing dinobatkan sebagai Olahragawan dan Olahragawati Masum 2012 pada Majlis Anugerah Sukan Masum di Shah Alam, semalam.

Pencapaian Syafiq begitu cemerlang apabila merangkul tiga gelaran juara di peringkat antarabangsa. Beliau merupakan atlet negara pertama menjuarai Piala Dunia AMF Qubica, selain memenangi trofi di Terbuka Taiwan, Penang Fiesta International dan Kejohanan Bowling Antara Negeri dan Kebangsaan.

Turut tercalon dalam kategori sama adalah penyandang gelaran bagi dua tahun berturut-turut atlet terjun Bryan Nickson Lomas, Wong Keng Yinn (karate), Khairulnizam Mohd Afendy (perahu layar), Syed Mohamad Agil Syed Naquib (tenis), Lim Chee Wei (karate) dan Mohamad Nurul Azwan Ahmad Tarmizi (petanque).



**Kecemerlangan Jun Hong di temasya Sukan Olimpik dan Kejohanan Piala Dunia tahun lalu melayakkan beliau merangkul gelaran Olahragawati Masum buat pertama kali.**

Sementara kecemerlangan Jun Hong di peringkat antarabangsa terutama di temasya Sukan Olimpik dan

Kejohanan Piala Dunia tahun lalu melayakkan beliau merangkul gelaran Olahragawati Masum buat pertama kali.

Menariknya kedua-dua penerima anugerah merupakan penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM).

Jun Hong menewaskan calon lain iaitu atlet memanah Fatin Nurfatimah Mat Salleh, A'ain Hidayah Ahmad Fua'ad (pencak silat), Nur Ezzaini Mohd Nor (bola jaring) dan Jawairiah Noordin (tenis).

Pemenang olahragawan dan olahragawati membawa pulang wang tunai RM3,000, piala iringan berserta trofi. Keseluruhan sebanyak RM25,000 hadiah wang tunai ditawarkan. Anugerah disampaikan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"Institusi pengajian tinggi kini menjadi sebuah organisasi yang mampu melahirkan atlet bertaraf antarabangsa seperti Muhammad Syafiq, Pandalela Renong dan Bryan Nickson Lomas dari Universiti Malaya dan Cheong Jun Hong.

"Tahniah dan syabas kepada semua penerima anugerah atas kejayaan dan kecemerlangan dalam mengharumkan nama negara.

"Saya berharap pengiktirafan ini mendorong anda untuk terus mengekalkan kecemerlangan dan melipatgandakan usaha mengejar kejayaan dan kegemilangan pada tahap tertinggi," katanya.

## Senarai Penerima Anugerah

Bintang Harapan Lelaki	: Shazrul Imran Nazli (Hoki) - UiTM
Bintang Harapan Wanita	: Noor Izzati Jasni (Menembak) - UPM
Pasukan Terbaik Lelaki	: Memanah (Compound) Masum
Pasukan Terbaik Wanita	: Memanah (Compound) Masum
Pengurus Terbaik	: Mohd Rodzuan Yahya (Renang Lelaki & Wanita) - USM
Jurulatih Terbaik	: Siti Aisah Sudin (Memanah) - UPM
Tokoh Sukan	: Datuk Ab Rahim Md. Noor
Anugerah Sekalung Budi	: Datuk Omar Abd. Rahman, Dr. Saharudin Ismail, Prof. Dr. Yahya Ibrahim, Jasni Ladin
Anugerah Khas	: Mon Redee Sut Txi (Jurulatih Memanah) - Uitm Pahang
Anugerah Rakan Sukan	: Milo, Majlis Sukan Negara, Persatuan Penulis - Penulis Sukan, Majlis Olimpik Malaysia, TV3, RTM, Astro, FAM, KOAM.